JOURNAL OF ETHNIC AND DIVERSITY STUDIES (JOEDS)
eISSN: 2948-4804

Transformasi Masyarakat Melayu melalui Pertanian Komersial: Mobiliti Sosial dalam Kalangan Pekebun Nanas di Malaysia

Haris Zuan Jaharudin & Sheikh Umar Bagharib
Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Haris Zuan Jaharudin (*Penulis Koresponden)
Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
hariszuan@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian mengenai transformasi masyarakat Melayu lazimnya menumpukan kepada peranan pendidikan, sektor awam dan pekerjaan profesional sebagai pemacu mobiliti sosial. Sebaliknya, pertanian komersial masih kurang diberikan perhatian sebagai salah satu laluan perubahan sosioekonomi masyarakat Melayu luar bandar. Artikel ini bertujuan menganalisis bagaimana pertanian nanas komersial membentuk perubahan orientasi perusahaan dan mobiliti sosial dalam kalangan sebahagian pekebun Melayu di Malaysia serta implikasinya terhadap kajian etnik. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui sembilan perbincangan kumpulan berfokus (FGD) yang melibatkan 198 peserta di enam negeri utama pengeluar nanas. Data dianalisis menggunakan analisis tematik refleksif. Dapatan menunjukkan bahawa sebahagian pekebun semakin mengurus perusahaan nanas sebagai perniagaan berorientasikan pasaran melalui penggunaan teknologi, pengurusan yang lebih sistematik, pengembangan perusahaan dan pembinaan jaringan pasaran. Perubahan ini turut disertai dengan petunjuk mobiliti sosial seperti peluasan aset, pelaburan semula keuntungan dan peningkatan aspirasi pendidikan keluarga. Namun, perubahan tersebut tidak berlaku secara seragam dan lebih ketara dalam kalangan pekebun yang mempunyai akses kepada modal, teknologi dan pasaran. Artikel ini memperluaskan perbahasan mengenai transformasi masyarakat Melayu dengan menunjukkan bahawa pertanian komersial merupakan salah satu ruang penting mobiliti sosial dan kepelbagaian trajektori pembangunan masyarakat Melayu luar bandar.

Kata kunci: *transformasi masyarakat Melayu; pertanian komersial; mobiliti sosial; pekebun kecil; masyarakat luar bandar.*

ABSTRACT

Studies on Malay societal transformation typically focus on the role of education, the public sector, and professional employment as drivers of social mobility. Conversely, commercial agriculture has received less attention as a pathway for socioeconomic change among rural Malays. This article aims to analyze how commercial pineapple farming shapes changes in enterprise orientation and social mobility among a segment of Malay smallholders in

https://doi.org/10.17576/joeds-2026-0402-03
Article History: Received: 28 July 2026 | Accepted: 17 September 2026 | Published: 1 December 2026

Malaysia, as well as its implications for ethnic studies. The study employs a qualitative approach through nine focus group discussions (FGDs) involving 198 participants across six major pineapple-producing states. Data were analyzed using reflexive thematic analysis. The findings indicate that some smallholders increasingly manage pineapple enterprises as market-oriented businesses through the adoption of technology, more systematic management, enterprise expansion, and the development of market networks. This change is also accompanied by indicators of social mobility such as asset expansion, profit reinvestment, and heightened family educational aspirations. However, this transformation does not occur uniformly and is more pronounced among smallholders with access to capital, technology, and markets. This article broadens the discourse on Malay societal transformation by demonstrating that commercial agriculture serves as an important space for social mobility and reflects the diverse developmental trajectories of rural Malay society.

Keywords: Malay societal transformation; commercial agriculture; social mobility; smallholders; rural society.

PENGENALAN

Transformasi sosioekonomi masyarakat Melayu merupakan antara agenda utama pembangunan Malaysia sejak kemerdekaan. Dalam tempoh lebih enam dekad, pelbagai dasar, program pembangunan dan perubahan struktur ekonomi telah meningkatkan akses masyarakat Melayu kepada pendidikan, pekerjaan, pemilikan aset dan peluang ekonomi. Perubahan ini telah menghasilkan pelbagai kajian mengenai mobiliti sosial, pembentukan kelas menengah Melayu dan pembangunan Bumiputera yang lazimnya menumpukan kepada sektor pendidikan, perkhidmatan awam, profesion dan korporat (Shamsul, 1986; Jomo, 1990; Abdul Rahman Embong, 2002; Gomez & Saravanamuttu, 2013). Walau bagaimanapun, satu persoalan masih kurang diberikan perhatian, iaitu bagaimana perubahan dalam sektor pertanian komersial turut membentuk mobiliti sosial masyarakat Melayu luar bandar.

Kelompangan ini menjadi semakin penting memandangkan sektor pertanian Malaysia sendiri telah mengalami perubahan yang ketara. Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, sebahagian subsektor pertanian telah beralih daripada pengeluaran yang berorientasikan sara diri atau pasaran domestik kepada perusahaan bernilai tinggi yang disepadukan dengan teknologi moden, piawaian antarabangsa dan rantaian nilai global. Industri nanas merupakan antara subsektor yang mengalami perubahan paling pesat melalui perkembangan varieti MD2 yang berorientasikan eksport serta penggunaan teknologi, mekanisasi dan pengurusan perusahaan yang lebih kompleks. Perubahan tersebut menunjukkan bahawa pertanian bukan lagi sekadar aktiviti pengeluaran makanan, malah bagi sebahagian pengusaha telah berkembang sebagai perusahaan yang memerlukan kemahiran pengurusan, keusahawanan dan inovasi. Namun begitu, implikasi perubahan ini terhadap transformasi masyarakat Melayu masih belum dibincangkan secara meluas dalam literatur.

Keadaan ini sebahagiannya berpunca daripada kecenderungan penyelidikan yang berkembang secara berasingan. Dalam kajian pembangunan etnik, perhatian lebih banyak diberikan kepada isu penyertaan Bumiputera dalam pendidikan, sektor profesional, korporat dan keusahawanan bandar, manakala sektor pertanian jarang dilihat sebagai ruang penting mobiliti sosial. Sebaliknya, kajian mengenai pertanian pula banyak memberi tumpuan kepada produktiviti, teknologi, pemasaran, rantaian bekalan dan daya saing industri tanpa menghubungkan perubahan tersebut dengan persoalan transformasi masyarakat Melayu. Akibatnya, masih terdapat jurang pengetahuan mengenai bagaimana perubahan dalam

pertanian komersial mempengaruhi orientasi ekonomi, identiti pekerjaan dan kedudukan sosioekonomi sebahagian masyarakat Melayu luar bandar.

Kelompangan tersebut turut mempengaruhi pemahaman mengenai pembentukan kelas menengah Melayu. Sebahagian besar kajian menjelaskan kemunculan kelas menengah Melayu melalui peluasan pendidikan, pekerjaan profesional, birokrasi negara, penyertaan dalam sektor korporat atau pembangunan keusahawanan bandar (Abdul Rahman Embong, 2002; Crouch, 1996). Walaupun penjelasan tersebut kekal penting, tumpuan yang berlebihan kepada pengalaman bandar menyebabkan pengalaman masyarakat Melayu yang membina mobiliti sosial melalui pertanian komersial kurang diberikan perhatian. Persoalannya bukan sama ada pertanian telah menggantikan laluan mobiliti sosial yang lain, tetapi sama ada perubahan dalam pertanian komersial telah mewujudkan satu laluan tambahan yang belum diterokai secara sistematik dalam kajian pembangunan etnik di Malaysia.

Berdasarkan kelompangan tersebut, artikel ini mengemukakan persoalan berikut: bagaimanakah pertanian nanas komersial menyumbang kepada perubahan orientasi ekonomi dan mobiliti sosial dalam kalangan sebahagian pekebun Melayu luar bandar? Bagi menjawab persoalan tersebut, artikel ini menggunakan industri nanas sebagai kajian kes untuk memahami bagaimana perubahan dalam organisasi pengeluaran, penggunaan teknologi, pengurusan perusahaan dan orientasi pasaran mempengaruhi pengalaman sosioekonomi pekebun nanas Melayu yang terlibat dalam perusahaan komersial.

Artikel ini berhujah bahawa pengalaman sebahagian pekebun nanas Melayu komersial menunjukkan pertanian bernilai tinggi semakin menjadi salah satu ruang kontemporari mobiliti sosial masyarakat Melayu luar bandar. Perubahan tersebut bukanlah hasil daripada satu faktor tunggal dan tidak boleh dijelaskan hanya melalui dasar kerajaan, perkembangan pasaran atau kemajuan teknologi secara berasingan. Sebaliknya, ia terbentuk melalui interaksi antara pembangunan institusi, perubahan struktur ekonomi, peluang pasaran, inovasi teknologi dan agensi pekebun sendiri dalam menyesuaikan strategi ekonomi mereka dengan perubahan persekitaran. Oleh itu, artikel ini tidak bertujuan menghujahkan bahawa semua petani Melayu telah berubah menjadi usahawan profesional atau bahawa pengalaman pekebun nanas mewakili keseluruhan masyarakat Melayu luar bandar. Sebaliknya, artikel ini mencadangkan bahawa pengalaman segmen pekebun nanas memperluas pemahaman tentang bagaimana mobiliti sosial masyarakat Melayu boleh berlaku melalui saluran yang selama ini kurang mendapat perhatian dalam literatur.

Kajian ini mempunyai tiga objektif. Pertama, menganalisis perubahan orientasi ekonomi dalam kalangan pekebun nanas Melayu. Kedua, mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong profesionalisasi pengurusan perusahaan nanas. Ketiga, membincangkan implikasi perubahan tersebut terhadap perbahasan mengenai mobiliti sosial dan transformasi masyarakat Melayu di luar bandar.

Artikel ini disusun kepada enam bahagian. Selepas pengenalan, bahagian kedua mengulas literatur mengenai transformasi masyarakat tani Melayu, mobiliti sosial, pembentukan kelas menengah dan perubahan agraria sebagai asas kepada kerangka analisis kajian. Bahagian ketiga menerangkan metodologi kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif melalui sembilan perbincangan kumpulan berfokus (FGD) melibatkan 198 peserta di enam negeri utama pengeluar nanas. Bahagian keempat membentangkan dapatan kajian, diikuti dengan perbincangan yang menghubungkan dapatan tersebut dalam konteks hubungan etnik yang lebih luas – merentasi transformasi masyarakat Melayu dan mobiliti sosial luar bandar. Bahagian terakhir merumuskan sumbangan kajian, batasannya serta implikasi terhadap penyelidikan dan dasar pada masa hadapan.

SOROTAN LITERATUR

MASYARAKAT TANI MELAYU DAN PERUBAHAN AGRARIA

Kajian mengenai masyarakat tani Melayu mempunyai tradisi intelektual yang panjang dalam sains sosial Malaysia. Penyelidikan awal oleh Firth (1946, 1966) dan Swift (1965) meneliti ekonomi isi rumah, penggunaan tenaga kerja keluarga, pemilikan tanah, hubungan kekeluargaan dan penglibatan masyarakat desa dalam pertukaran pasaran. Karya-karya tersebut menunjukkan bahawa masyarakat tani Melayu bukan kelompok yang sepenuhnya terasing daripada pasaran, tetapi pengeluar berskala kecil yang mengimbangi keperluan isi rumah dengan kegiatan ekonomi komersial. Pertanian dan perikanan bukan sahaja menjadi sumber pendapatan, tetapi turut membentuk organisasi keluarga, hubungan sosial dan kehidupan komuniti.

Tradisi tersebut kemudiannya dikembangkan oleh sarjana tempatan seperti Syed Husin Ali, Abdul Kahar Bador dan Mokhzani Abdul Rahim (Zawawi Ibrahim, 2010). Syed Husin Ali (1964, 1975), misalnya, memberi perhatian kepada stratifikasi sosial, pemilikan alat pengeluaran dan perbezaan kedudukan ekonomi dalam komuniti tani Melayu. Pendekatan ini penting kerana ia menunjukkan bahawa masyarakat tani bukan kategori sosial yang seragam. Dalam sebuah kampung boleh wujud pemilik tanah, pengusaha sendiri, penyewa, buruh tani dan isi rumah yang menggabungkan pertanian dengan pekerjaan bukan pertanian. Oleh itu, perubahan dalam masyarakat tani perlu dianalisis dengan mengambil kira perbezaan akses kepada tanah, modal, tenaga kerja dan peluang pasaran. Zawawi Ibrahim (2010) merumuskan perkembangan kajian ini sebagai peralihan daripada etnografi ekonomi masyarakat tani kepada kajian pasca-tani yang lebih luas, merangkumi kapitalisme agraria, pembentukan kelas, politik, gender dan perubahan ideologi.

Kajian sejarah menunjukkan bahawa komersialisasi masyarakat tani Melayu telah bermula sebelum kemerdekaan. Perkembangan ekonomi wang, pengenalan hak milik tanah individu dan pengembangan tanaman dagangan secara beransur-ansur menghubungkan masyarakat desa dengan sistem ekonomi kolonial. Tang Abdullah dan Abd. Hamid (2018) menjelaskan bahawa perubahan daripada ekonomi sara diri kepada ekonomi komersial berlaku melalui penggunaan tenaga kerja bergaji, peluasan kemudahan kredit, perubahan pemilikan tanah serta peningkatan pengeluaran untuk pasaran. Perubahan ini tidak semestinya menghapuskan pengeluaran keluarga, tetapi mengubah cara tanah, tenaga kerja dan hasil pertanian dinilai dalam bentuk kewangan.

Pengembangan getah merupakan titik penting dalam proses tersebut. Kato (1991) menunjukkan bahawa penglibatan pekebun kecil Melayu dalam penanaman getah telah mengubah corak kerja, pemilikan tanah, budaya material dan hubungan masyarakat desa dengan pasaran. Getah menyediakan pendapatan tunai dan mendorong penggunaan barangan baharu, tetapi pada masa yang sama meningkatkan kebergantungan pekebun kepada turun naik harga komoditi. Pembinaan jalan raya dan landasan kereta api yang berkembang bersama ekonomi getah turut mengubah pola petempatan serta membolehkan buah-buahan dan hasil kampung dipasarkan ke bandar. Dengan demikian, pertanian komersial sejak awal lagi membawa perubahan yang melangkaui pengeluaran, termasuk perubahan dalam penggunaan, ruang sosial dan aspirasi ekonomi masyarakat Melayu.

Namun, pengintegrasian masyarakat tani ke dalam ekonomi kapitalis tidak berlaku secara neutral. Peraturan tanah, sistem percukaian dan perkembangan perusahaan perladangan kolonial membentuk struktur yang tidak seimbang antara estet besar dengan pengeluaran pekebun kecil. Tagliacozzo (2003) menggambarkan proses ini sebagai satu bentuk penggabungan masyarakat tani ke dalam kuasa negara, pasaran dan sistem

perladangan yang semakin berkembang. Di Malaya, tenaga kerja imigran menjadi asas kepada sistem perladangan berskala besar, sementara sebahagian masyarakat Melayu kekal sebagai pekebun kecil yang terdedah kepada perubahan undang-undang tanah, keperluan membayar cukai secara tunai dan tekanan komersialisasi. Pergantungan pertanian komersial Malaysia kepada tenaga kerja migran mempunyai kesinambungan yang panjang sejak era kolonial. Walaupun komoditi, bentuk pemilikan dan komposisi tenaga kerja berubah, kebergantungan kepada buruh migran terus menjadi ciri penting dalam pertanian Malaysia kontemporari (Kaur, 2004; Kaur, 2014; Ngah & Kamarudin, 2020).

Literatur tersebut memperlihatkan bahawa transformasi masyarakat tani Melayu bukan proses linear daripada tradisional kepada moden. Ia melibatkan penyesuaian, perbezaan kelas, perubahan hubungan dengan tanah dan peningkatan keterikatan kepada pasaran. Ia juga menghasilkan trajektori yang berbeza: sebahagian isi rumah mengembangkan operasi pertanian, sebahagian menggabungkan pertanian dengan pekerjaan lain, manakala yang lain meninggalkan sektor tersebut. Oleh itu, konsep masyarakat tani Melayu perlu digunakan secara dinamik dan tidak dianggap sebagai kategori yang tetap atau homogen.

NEGARA, DASAR PEMBANGUNAN DAN AGENSI PEKEBUN

Selepas kemerdekaan, negara memainkan peranan yang lebih langsung dalam pembangunan pertanian dan masyarakat luar bandar. Penubuhan agensi pembangunan tanah, pemasaran, penyelidikan, kredit dan pengembangan pertanian memperluas campur tangan kerajaan dalam organisasi pengeluaran serta kehidupan pekebun kecil. De Koninck (2003) melihat masyarakat tani sebagai sebahagian daripada strategi negara untuk mengembangkan penguasaan wilayah dan meningkatkan pengeluaran tanaman komersial. Penglibatan negara bukan sekadar menyediakan bantuan teknikal, tetapi membentuk cara tanah diterokai, tanaman dipilih dan pengeluaran dihubungkan dengan pasaran nasional serta antarabangsa.

Fredericks (1977) menghubungkan pembangunan pertanian Malaysia dengan perkembangan organisasi seperti koperasi, persatuan peladang dan perusahaan awam. Institusi tersebut diwujudkan untuk meningkatkan penyertaan pekebun, memperbaiki pemasaran dan menyalurkan sumber pembangunan. Walau bagaimanapun, pendekatan yang terlalu berpusat dan birokratik boleh mengehadkan penglibatan sebenar pengeluar dalam pembuatan keputusan. Organisasi yang dibentuk atas nama penyertaan tidak semestinya memindahkan kuasa pengurusan atau kawalan ekonomi kepada pekebun.

Peranan negara menjadi semakin menonjol melalui pembangunan luar bandar dan penyusunan semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru. Dasar ini tidak boleh dianggap sebagai satu-satunya punca perubahan masyarakat Melayu, tetapi sumbangannya kepada peluasan infrastruktur, pendidikan, pembangunan tanah dan pembentukan institusi Bumiputera tidak dapat dinafikan. Ngah dan Kamarudin (2019) menunjukkan bahawa campur tangan kerajaan melalui pembangunan in situ dan rancangan tanah seperti FELDA berjaya mengurangkan kemiskinan serta meningkatkan taraf hidup sebahagian pekebun kecil. Namun, mereka turut menegaskan bahawa pekebun masa kini menghadapi cabaran baharu, termasuk kekurangan tenaga kerja, harga komoditi yang rendah, peningkatan kos input, urbanisasi dan tekanan globalisasi.

Hubungan antara negara dengan masyarakat tani bagaimanapun tidak boleh difahami sebagai hubungan satu hala. De Koninck (1992) menunjukkan bahawa pemodenan pertanian dan pengembangan Revolusi Hijau meningkatkan kehadiran negara melalui sistem pengairan, subsidi, persatuan peladang dan pengurusan pengeluaran. Pada masa yang sama, penyertaan pekebun dalam pengurusan sumber dan organisasi tempatan tidak semestinya berkembang pada kadar yang sama. Keadaan ini boleh menghasilkan kebergantungan terhadap birokrasi,

tetapi juga membuka akses kepada kemudahan, teknologi dan peluang yang tidak tersedia sebelumnya.

Oleh itu, dasar dan institusi wajar dilihat sebagai sebahagian daripada struktur peluang yang membentuk, tetapi tidak menentukan sepenuhnya, tindakan pekebun. Kesan sesuatu dasar bergantung pada akses kepada tanah, modal, pengetahuan dan jaringan pasaran, di samping kesediaan pengusaha mengambil risiko serta menyesuaikan amalan mereka. Sebahagian pekebun boleh menggunakan bantuan kerajaan sebagai asas kepada pengembangan perusahaan, manakala yang lain kekal terhad oleh keluasan tanah, hutang, tenaga kerja atau pasaran. Pendekatan ini mengelakkan dua penjelasan yang terlalu mudah: pertama, bahawa transformasi berlaku sepenuhnya akibat campur tangan negara; dan kedua, bahawa kejayaan pertanian semata-mata dihasilkan oleh keusahawanan individu.

Dalam konteks industri nanas, kajian ini mengenal pasti isu tanah berskala kecil, modal permulaan yang tinggi, kebergantungan kepada buruh asing, ketidakseimbangan rantaian nilai, kelemahan organisasi pengeluar dan risiko iklim sebagai cabaran utama pekebun kecil. Pada masa yang sama, pasaran eksport, agro-pelancongan, teknologi dan pemasaran digital membuka peluang kepada pengusaha yang memiliki sumber dan keupayaan untuk mengambil bahagian. Keadaan ini menunjukkan bahawa transformasi dalam sektor nanas berlangsung secara tidak seimbang: peluang komersial berkembang, tetapi keupayaan untuk memanfaatkannya berbeza antara pekebun.

KOMERSIALISASI, PROFESIONALISASI DAN MOBILITI SOSIAL

Literatur transformasi agraria kontemporari sering menjelaskan perubahan luar bandar melalui komersialisasi, pembezaan kelas, diversifikasi mata pencarian dan deagrarianisasi. Bryceson (1996) menggunakan konsep deagrarianisasi untuk menerangkan pengurangan pergantungan isi rumah luar bandar kepada pertanian, manakala Rigg (2001, 2006, 2019) menunjukkan bahawa mata pencarian desa di Asia Tenggara semakin dibentuk oleh migrasi, pekerjaan bergaji dan gabungan aktiviti pertanian dengan bukan pertanian. Bernstein (2010) pula menekankan bahawa pengembangan kapitalisme membezakan pengeluar kepada pelbagai kedudukan kelas berdasarkan hubungan mereka dengan tanah, modal dan tenaga kerja.

Pendekatan tersebut penting untuk menjelaskan kemerosotan kepentingan relatif pertanian dalam sesetengah isi rumah. Namun, ia kurang memberikan perhatian kepada keadaan apabila mobiliti sosial berlaku melalui perubahan dalam pertanian itu sendiri. Pengusaha mungkin terus bergantung kepada pertanian, tetapi mengubah skala, teknologi, organisasi dan orientasi pasaran perusahaan mereka. Dalam keadaan ini, transformasi bukan berbentuk keluar daripada pertanian, tetapi peningkatan kompleksiti dan nilai ekonomi aktiviti pertanian.

Literatur keusahawanan pertanian membantu menjelaskan sebahagian perubahan tersebut. McElwee (2006), Alsos et al. (2014) serta Pindado dan Sánchez (2017) melihat petani sebagai usahawan yang mengenal pasti peluang pasaran, mengurus risiko dan mengembangkan perusahaan. Diversifikasi kepada pemprosesan, agro-pelancongan, perkhidmatan pertanian dan pemasaran langsung membolehkan pengusaha mengurangkan pergantungan kepada hasil primer serta memperoleh bahagian nilai yang lebih besar (Barbieri & Mahoney 2009; Vik & McElwee 2011). Pada masa yang sama, pertanian digital dan teknologi tepat menjadikan pengurusan ladang semakin bergantung pada data, pengetahuan teknikal dan pembelajaran berterusan (Eastwood et al. 2019; Klerkx et al. 2019).

Walaupun berguna, konsep keusahawanan sahaja belum mencukupi untuk menerangkan perubahan identiti pekerjaan dalam pertanian. Keusahawanan lazimnya menekankan

penciptaan perniagaan, inovasi dan pengambilan peluang. Profesionalisasi pula memberi perhatian kepada penguasaan pengetahuan khusus, kecekapan pengurusan, pembelajaran berterusan dan pembentukan autoriti pekerjaan (Abbott 1988; Larson 1977; Freidson 2001). Dalam perusahaan pertanian yang semakin kompleks, pengusaha bukan sahaja perlu menghasilkan tanaman, tetapi turut mengurus kewangan, tenaga kerja, pensijilan, teknologi, pemasaran dan hubungan institusi. Pertanian dengan itu berkembang daripada aktiviti pengeluaran kepada pekerjaan yang menggabungkan fungsi teknikal, keusahawanan dan pengurusan.

Perubahan sedemikian mempunyai implikasi terhadap mobiliti sosial. Mobiliti tidak hanya merujuk kepada peningkatan pendapatan, tetapi juga pengumpulan kemahiran, jaringan sosial, pemilikan aset, pengiktirafan dan perubahan aspirasi antara generasi. Bourdieu (1984) membezakan modal ekonomi, budaya, sosial dan simbolik bagi menunjukkan bahawa kedudukan kelas tidak boleh diukur melalui pendapatan semata-mata. Kerangka ini relevan untuk menilai pengusaha pertanian yang bukan sahaja memperoleh hasil lebih tinggi, tetapi turut membina kepakaran teknologi, jaringan dengan agensi dan pasaran, reputasi sebagai usahawan serta aspirasi pendidikan bagi anak-anak mereka.

Namun, pengenalpastian kelas menengah luar bandar perlu dilakukan dengan berhati-hati. De Koninck (1992) mengingatkan bahawa hubungan kelas di luar bandar bersifat dinamik dan sukar ditentukan hanya berdasarkan satu pekerjaan atau satu sumber pendapatan. Individu boleh menjadi pemilik tanah, majikan, pekerja dan pengusaha dalam tempoh atau keadaan yang berbeza. Kedudukan dalam keluarga, kemahiran, hubungan pasaran dan mobiliti individu turut mempengaruhi kedudukan sosial. Oleh itu, pemilikan aset atau pendapatan tinggi tidak secara automatik membuktikan kewujudan satu kelas menengah yang mantap.

Kewaspadaan tersebut penting dalam kajian pekebun nanas Melayu. Artikel ini tidak menganggap semua pekebun komersial sebagai kelas menengah dan tidak mendakwa bahawa keseluruhan masyarakat tani Melayu sedang melalui trajektori yang sama. Sebaliknya, konsep mobiliti sosial digunakan untuk menilai perubahan yang dapat diperhatikan secara langsung, seperti pengembangan perusahaan, penguasaan kemahiran pengurusan, penggunaan teknologi, peluasan jaringan pasaran dan perubahan aspirasi keluarga. Pembentukan kelas menengah luar bandar dibincangkan sebagai kemungkinan analitikal yang timbul daripada gabungan proses tersebut, bukannya sebagai kategori yang ditentukan terlebih dahulu.

KELOMPANGAN KAJIAN DAN KERANGKA ANALISIS

Sorotan literatur menunjukkan tiga kelompangan utama. Pertama, kajian masyarakat tani Melayu telah menjelaskan komersialisasi, pembezaan kelas, hubungan negara–petani dan perubahan luar bandar, tetapi kurang memberikan perhatian kepada profesionalisasi pertanian bernilai tinggi dalam konteks semasa. Kedua, kajian mobiliti sosial dan kelas menengah Melayu lebih banyak tertumpu kepada pendidikan, perkhidmatan awam, pekerjaan profesional, korporat dan keusahawanan bandar. Pertanian komersial jarang dianalisis sebagai salah satu ruang yang berpotensi menyokong peningkatan kedudukan sosioekonomi. Ketiga, kajian industri pertanian, termasuk nanas, lazimnya menekankan produktiviti, teknologi, pemasaran dan daya saing tanpa menghubungkan perubahan perusahaan dengan identiti pekerjaan, mobiliti sosial dan pembentukan kelompok sosial dalam masyarakat Melayu.

Bagi mengisi kelompangan tersebut, artikel ini menghubungkan tiga dimensi analisis. Dimensi pertama ialah struktur, yang merangkumi dasar pembangunan, institusi pertanian, pemilikan tanah, pasaran, teknologi dan hubungan tenaga kerja. Dimensi kedua ialah agensi

pekebun, termasuk pengambilan risiko, pembelajaran, keputusan pelaburan, pembinaan jaringan dan strategi mempelbagaikan perusahaan. Dimensi ketiga ialah hasil sosial, yang merangkumi perubahan identiti pekerjaan, kedudukan ekonomi, aspirasi keluarga dan petunjuk mobiliti sosial. Melalui hubungan antara ketiga-tiga dimensi ini, profesionalisasi pertanian difahami bukan sebagai hasil automatik dasar kerajaan atau pasaran, tetapi sebagai proses yang terbentuk apabila sebahagian pekebun mempunyai sumber dan keupayaan untuk bertindak dalam struktur peluang yang tersedia.

Kerangka tersebut membolehkan kajian menilai pertanian komersial sebagai salah satu laluan mobiliti sosial tanpa menganggapnya sebagai pengalaman yang universal. Ia juga menempatkan peranan negara secara seimbang: pembangunan luar bandar dan institusi yang berkembang sejak era DEB menyediakan sebahagian daripada asas transformasi, tetapi hasil akhirnya turut dipengaruhi oleh perubahan pasaran, teknologi, struktur pemilikan dan tindakan pekebun sendiri. Dengan demikian, kajian ini memperluas perbahasan tentang masyarakat Melayu luar bandar daripada persoalan sama ada masyarakat tani kekal atau menghilang kepada persoalan bagaimana sebahagian pengusaha mengubah pertanian menjadi perusahaan yang semakin komersial, berpengetahuan, dan diurus secara profesional.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif untuk meneliti perubahan orientasi ekonomi, profesionalisasi pengurusan dan mobiliti sosial dalam kalangan sebahagian pekebun nanas Melayu komersial. Pendekatan kualitatif dipilih kerana kajian ini tidak bertujuan mengukur tahap mobiliti sosial secara statistik atau menentukan kedudukan kelas peserta berdasarkan pendapatan semata-mata. Sebaliknya, kajian memberi perhatian kepada cara peserta mentafsir pengalaman mereka sebagai pekebun, mengurus perusahaan, menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran dan teknologi, serta membentuk aspirasi terhadap masa depan keluarga dan perusahaan. Pendekatan ini membolehkan pengalaman, makna dan pandangan kolektif peserta diterokai secara mendalam dalam konteks sosial dan ekonomi yang sebenar (Creswell & Poth 2018).

Data utama diperoleh melalui sembilan perbincangan kumpulan berfokus atau *focus group discussions* (FGD) yang dilaksanakan antara November 2024 hingga Mei 2025 di enam negeri pengeluar nanas di Semenanjung Malaysia. Lokasi kajian meliputi Kedah, Kelantan, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor. Pemilihan pelbagai lokasi membolehkan kajian membandingkan pengalaman pekebun dalam persekitaran pengeluaran, akses pasaran, bentuk sokongan institusi dan tahap komersialisasi yang berbeza. Johor melibatkan empat lokasi kerana negeri tersebut merupakan antara kawasan penting dalam pengeluaran dan pemasaran nanas serta memperlihatkan kepelbagaian model perusahaan, termasuk pengeluaran segar, pusat pengumpulan, kontrak pertanian dan kegiatan hiliran.

Peserta dipilih melalui persampelan bertujuan bagi memperoleh kes yang kaya dengan maklumat dan mempunyai pengalaman langsung dalam penanaman nanas (Patton 2015). Pemilihan mengambil kira lokasi, pengalaman bertani, keluasan perusahaan, varieti yang ditanam, tahap penglibatan dalam pasaran komersial dan hubungan dengan agensi atau organisasi industri. Pendekatan ini tidak bertujuan membentuk sampel yang mewakili semua pekebun Melayu secara statistik. Sebaliknya, ia bertujuan memperoleh variasi pengalaman yang membolehkan kajian mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam cara pekebun mengurus perubahan ekonomi, teknologi, tenaga kerja dan pasaran. Persampelan dibuat berdasarkan pengalaman langsung, negeri pengeluar utama, saiz kebun dan penglibatan dengan agensi berkaitan.

Secara keseluruhan, sembilan FGD melibatkan 198 peserta. Bilangan peserta bagi setiap sesi adalah antara 16 hingga 32 orang. Ringkasan lokasi, tarikh dan jumlah peserta ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Ringkasan perbincangan kumpulan berfokus

Tarikh	Lokasi dan negeri	FGD	Peserta
26 November 2024	Langkawi, Kedah	1	18
6 Mei 2025	Pasir Puteh, Kelantan	2	25
7 Mei 2025	Gunung Senyum, Temerloh, Pahang	3	32
8 Mei 2025	Telok Panglima Garang, Selangor	4	21
9 Mei 2025	Kuala Pilah, Negeri Sembilan	5	28
15 Mei 2025	Parit Jerman, Pontian, Johor	6	16
15 Mei 2025	Parit Ghani, Simpang Renggam, Johor	7	19
16 Mei 2025	Rengit, Johor	8	17
16 Mei 2025	Air Hitam, Muar, Johor	9	22
	Jumlah		198

Sumber: Data lapangan kajian. Maklumat lokasi dan jumlah peserta diselaraskan berdasarkan rekod kerja lapangan.

Setiap FGD berlangsung antara dua hingga tiga jam dan dikendalikan dalam bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Melayu membolehkan peserta menghuraikan pengalaman, istilah pekerjaan dan pandangan mereka dalam bahasa yang biasa digunakan dalam kegiatan harian. Perbincangan berpandukan soalan separa berstruktur yang merangkumi latar belakang perusahaan, pilihan varieti, pengurusan kos dan modal, tenaga kerja, penggunaan teknologi, pemasaran, hubungan dengan pembeli dan agensi, pengembangan perusahaan serta aspirasi masa hadapan. Format separa berstruktur memastikan isu utama dibincangkan dalam semua sesi, namun masih memberikan ruang kepada peserta untuk mengemukakan pengalaman dan persoalan yang tidak dijangka oleh penyelidik.

FGD dipilih kerana kaedah ini membolehkan pandangan peserta dikembangkan melalui interaksi kumpulan. Peserta bukan sahaja memberikan jawapan kepada penyelidik, tetapi turut mengesahkan, mempertikaikan dan memperincikan pengalaman peserta lain. Interaksi tersebut penting bagi mengenal pasti sama ada sesuatu pengalaman merupakan pandangan individu atau masalah yang dikongsi secara lebih luas. Dalam beberapa sesi, perbincangan mengenai keuntungan, penggunaan teknologi, tenaga kerja asing, pengembangan perusahaan dan peranan agensi berkembang daripada pengalaman seorang peserta kepada perbandingan kolektif antara pengusaha. Namun, saiz sesetengah kumpulan yang agak besar juga berpotensi menyebabkan peserta tertentu lebih dominan. Bagi mengurangkan masalah ini, fasilitator menggalakkan penyertaan daripada peserta yang berlainan latar belakang dan mengemukakan soalan susulan kepada pandangan yang kurang diberikan perhatian.

Semua perbincangan dirakam dengan persetujuan peserta dan ditranskripsikan secara verbatim. Identiti peserta tidak dinyatakan dalam manuskrip. Petikan akan dikenal pasti berdasarkan nombor FGD atau lokasi, bukannya nama individu atau perusahaan, kecuali maklumat perusahaan tersebut telah tersedia secara terbuka dan penggunaannya benar-benar diperlukan untuk analisis. Persetujuan bermaklumat diperoleh sebelum perbincangan dan peserta dimaklumkan mengenai tujuan kajian, penggunaan data serta hak mereka untuk tidak menjawab soalan tertentu. Prosedur ini penting kerana beberapa perbincangan melibatkan maklumat berkaitan pendapatan, kos pengeluaran, tenaga kerja, hubungan pasaran dan bantuan institusi yang mungkin dianggap sensitif.

Data dianalisis menggunakan analisis tematik refleksif seperti yang dikembangkan oleh Braun dan Clarke (2006, 2021). Analisis dilaksanakan secara berulang melalui enam proses yang saling berkait: pembiasaan dengan data, pembentukan kod awal, pembangunan tema, semakan tema, penamaan tema dan penulisan interpretasi. Pada peringkat awal, transkrip dibaca secara menyeluruh bagi mengenal pasti kenyataan berkaitan perubahan orientasi perusahaan, keputusan pelaburan, penggunaan teknologi, pengurusan tenaga kerja, pemasaran, pengembangan perniagaan dan aspirasi keluarga. Kod awal dibentuk secara induktif dan tidak dipaksa ke dalam kategori teori yang telah ditentukan terlebih dahulu.

Kod-kod tersebut kemudiannya dibandingkan merentas sembilan FGD untuk mengenal pasti pola yang berulang, variasi mengikut lokasi dan pengalaman yang bercanggah. Sebagai contoh, penggunaan teknologi tidak hanya dikodkan sebagai "penerimaan teknologi", tetapi diperincikan kepada pendorong penggunaan, kos, kesukaran akses, pengurangan kebergantungan kepada buruh dan kesannya terhadap pengurusan perusahaan. Begitu juga, kenyataan mengenai peningkatan pendapatan tidak terus ditafsirkan sebagai pembentukan kelas menengah. Ia dinilai bersama bukti lain seperti pengembangan tanah, pengambilan pekerja, pelaburan dalam mesin, pemilikan aset, jaringan perniagaan, pendidikan anak dan perubahan aspirasi.

Analisis menghasilkan beberapa tema utama yang berkaitan dengan persoalan artikel, iaitu orientasi komersial, profesionalisasi pengurusan, penggunaan teknologi dan pengetahuan, pengembangan perusahaan serta petunjuk mobiliti sosial. Tema-tema tersebut kemudiannya ditafsirkan melalui dialog dengan literatur mengenai masyarakat tani Melayu, transformasi agraria, profesionalisasi dan kelas menengah luar bandar. Pendekatan ini menggabungkan analisis induktif dengan interpretasi berasaskan konsep. Data menentukan pola utama, manakala literatur digunakan untuk menjelaskan makna dan implikasi pola tersebut. Proses analisis turut melibatkan pembiasaan, pengekodan induktif, pembangunan dan pemurnian tema sebelum ditafsirkan melalui literatur perubahan agraria dan pembentukan kelas luar bandar.

Kesahihan kajian diperkukuh melalui beberapa strategi. Pertama, reka bentuk multi-lokasi membolehkan tema dinilai merentas kawasan pengeluaran yang berbeza. Kedua, perbandingan antara FGD digunakan untuk mengenal pasti tema yang konsisten dan pengalaman yang bersifat khusus kepada sesuatu lokasi. Ketiga, interaksi dalam FGD berfungsi sebagai satu bentuk pengesahan kolektif apabila peserta menyokong, mempersoalkan atau menambah pengalaman yang dibangkitkan. Keempat, interpretasi dibuat dengan mengekalkan kes negatif dan pandangan yang berbeza. Kajian tidak hanya memberikan perhatian kepada pekebun yang berjaya, tetapi turut mengambil kira peserta yang menghadapi kekangan tanah, modal, teknologi, tenaga kerja dan pasaran. Langkah ini penting bagi mengelakkan profesionalisasi digambarkan sebagai proses yang seragam atau dapat dicapai oleh semua pekebun.

Kajian ini menekankan generalisasi analitikal dan bukannya generalisasi statistik (Yin 2018). Jumlah peserta yang besar bagi kajian kualitatif dan liputan enam negeri memberikan asas yang kukuh untuk mengenal pasti pola berulang, tetapi tidak menjadikan peserta sebagai sampel perwakilan seluruh masyarakat tani Melayu. Selain itu, FGD melibatkan pelbagai aktor dan tidak direka khusus untuk mengukur kelas sosial. Oleh itu, artikel ini tidak menentukan status kelas peserta secara mutlak. Istilah mobiliti sosial digunakan untuk menerangkan perubahan yang dapat disokong oleh data, manakala pembentukan kelas menengah dibincangkan secara berhati-hati sebagai implikasi analitikal.

Terdapat juga kemungkinan bias pemilihan kerana peserta yang terlibat dalam program agensi, jaringan industri atau perusahaan yang lebih aktif lebih mudah dihubungi untuk

menyertai FGD. Pengalaman mereka mungkin berbeza daripada pekebun yang terasing daripada institusi atau pasaran formal. Justeru, dapatan artikel perlu dibaca sebagai gambaran tentang proses yang berlaku dalam kalangan segmen pekebun nanas Melayu komersial yang dikaji, bukan sebagai gambaran keseluruhan petani Melayu. Batasan ini selaras dengan tujuan artikel, iaitu mengenal pasti satu bentuk perubahan yang sedang muncul dan bukannya mendakwa bahawa transformasi tersebut telah berlaku secara menyeluruh.

DAPATAN KAJIAN

Analisis terhadap sembilan perbincangan kumpulan berfokus (FGD) mengenal pasti empat pola utama yang konsisten merentas lokasi kajian. Pertama, peserta semakin melihat penanaman nanas sebagai sebuah perusahaan komersial yang berorientasikan keuntungan dan pertumbuhan. Kedua, pengurusan perusahaan menjadi semakin sistematik melalui perancangan kewangan, pengurusan pekerja dan hubungan pasaran. Ketiga, penggunaan teknologi dan inovasi semakin menjadi sebahagian daripada operasi ladang. Keempat, sebahagian peserta menunjukkan perubahan dalam kedudukan sosioekonomi melalui pengembangan perusahaan, pelaburan semula dan peningkatan aspirasi keluarga. Walau bagaimanapun, pola-pola ini tidak berlaku secara seragam dalam kalangan semua pekebun, sebaliknya lebih ketara dalam kalangan pekebun nanas komersial yang mempunyai akses kepada modal, teknologi dan pasaran.

PERUBAHAN ORIENTASI PERUSAHAAN

Merentas semua FGD, peserta secara konsisten menggambarkan penanaman nanas sebagai sebuah perusahaan komersial dan bukannya aktiviti pertanian sara diri. Perbincangan banyak tertumpu kepada keuntungan, pulangan pelaburan, pengembangan ladang dan peluang pasaran, khususnya melalui varieti MD2. Peserta menjelaskan bahawa keputusan untuk menanam, memperluaskan kawasan atau melabur dalam infrastruktur dibuat berdasarkan pertimbangan ekonomi dan bukannya sekadar pengalaman bertani.

> *"Sekarang kalau tanam nanas, kita kena fikir macam berniaga. Kena kira modal, kos baja, kos pekerja dan untung. Kalau tak kira semua itu memang susah nak berkembang." (FGD8:R4)*

Walaupun MD2 memerlukan modal yang lebih tinggi berbanding varieti tradisional, kebanyakan peserta melihat pelaburan tersebut sebagai berbaloi kerana permintaan eksport dan harga pasaran yang lebih tinggi. Namun, sebahagian pekebun masih memilih varieti tradisional kerana modal yang lebih rendah dan risiko yang dianggap lebih terkawal. Dapatan ini menunjukkan bahawa dalam kalangan peserta yang dikaji, orientasi perusahaan semakin dipengaruhi oleh pertimbangan komersial, walaupun tahap penyertaan berbeza antara pekebun.

PENGURUSAN PERUSAHAAN YANG LEBIH SISTEMATIK

Perubahan kedua melibatkan cara perusahaan diurus. Selain kerja penanaman, peserta semakin memberi perhatian kepada pengurusan kewangan, perancangan pengeluaran, penyelarasan tenaga kerja dan hubungan dengan pembeli. Pengembangan kawasan tanaman memerlukan mereka menyusun jadual kerja, mengurus aliran tunai dan memastikan bekalan dapat dipenuhi secara berterusan.

> *"Dulu tanam ikut pengalaman saja. Sekarang kita kena buat perancangan. Bila nak tanam, bila nak keluar hasil, berapa kos setiap bulan, semua kena kira." (FGD4:R7)*

Beberapa peserta turut menyatakan bahawa perusahaan yang semakin besar memerlukan kemahiran pengurusan yang tidak semestinya dimiliki oleh pemilik ladang. Mereka

mencadangkan graduan dalam bidang agribisnes atau pengurusan pertanian dilibatkan bagi mengurus operasi, pemasaran dan pembangunan perusahaan. Walau bagaimanapun, tidak semua pekebun mengamalkan pengurusan sedemikian. Bagi perusahaan berskala kecil, rekod kewangan dan perancangan formal masih terhad, manakala keputusan banyak bergantung kepada pengalaman sendiri.

PENGGUNAAN TEKNOLOGI DAN INOVASI

Peserta turut menggambarkan peningkatan penggunaan teknologi dalam pengurusan ladang. Antara teknologi yang paling kerap dibincangkan ialah dron untuk semburan, sistem pengairan, mekanisasi penyediaan tanah, pemasaran digital dan penggunaan bahan tanaman yang lebih berkualiti.

> *"Sekarang susah dapat pekerja. Kalau guna dron, kerja yang dulu ambil lima orang boleh siap lebih cepat. Tapi tak semua tempat ada" (FGD3:R9)*

Teknologi digunakan terutamanya bagi mengurangkan kebergantungan kepada buruh, meningkatkan kecekapan operasi dan memastikan kualiti pengeluaran. Walau bagaimanapun, peserta juga mengakui bahawa kos pelaburan yang tinggi mengehadkan penggunaan teknologi dalam kalangan pekebun berskala kecil. Di samping itu, teknologi tidak menggantikan sepenuhnya pengalaman tempatan. Sebahagian peserta menegaskan bahawa pengetahuan mengenai tanah, cuaca dan pengurusan tanaman masih penting dalam menentukan kejayaan perusahaan.

PETUNJUK MOBILITI SOSIAL

Sebahagian peserta menggambarkan perubahan dalam kedudukan sosioekonomi mereka selepas mengembangkan perusahaan nanas. Perubahan tersebut termasuk pertambahan keluasan tanaman, pembelian mesin dan peralatan, pelaburan semula keuntungan, pemilikan aset serta peningkatan perbelanjaan terhadap pendidikan anak-anak.

> *"Dulu saya mula dengan beberapa ekar sahaja. Sekarang hasil itu saya guna beli tanah lagi dan tambah ladang sedikit demi sedikit." (FGD7:R13)*

Peserta juga menjelaskan bahawa keuntungan daripada perusahaan digunakan untuk memperkukuhkan operasi perniagaan, bukannya hanya meningkatkan penggunaan isi rumah. Dalam beberapa FGD, peserta menyatakan hasrat supaya anak-anak memperoleh pendidikan tinggi dan kembali membantu mengurus perusahaan keluarga. Namun demikian, pengalaman tersebut tidak dikongsi oleh semua peserta. Sebahagian pekebun masih berhadapan dengan kekangan modal, keluasan tanah yang terhad, pergantungan kepada pemborong dan ketidakstabilan harga pasaran. Oleh itu, dapatan kajian hanya menunjukkan petunjuk mobiliti sosial dalam kalangan sebahagian pekebun nanas komersial, dan bukannya perubahan yang berlaku kepada keseluruhan masyarakat tani Melayu.

PERBINCANGAN: MENILAI SEMULA TRANSFORMASI MASYARAKAT MELAYU MELALUI PERTANIAN KOMERSIAL

DARI MASYARAKAT TANI KEPADA PERUSAHAAN AGRARIA: KESINAMBUNGAN DAN PERUBAHAN

Kajian klasik mengenai masyarakat tani Melayu banyak menjelaskan kehidupan luar bandar melalui ekonomi isi rumah, pengeluaran berskala kecil, hubungan kekeluargaan dan pergantungan kepada tanah sebagai sumber utama kehidupan (Firth, 1946, 1966; Swift, 1965; Syed Husin Ali, 1975). Dalam kerangka ini, petani Melayu digambarkan sebagai pengeluar yang menggabungkan tenaga kerja keluarga dengan penyertaan yang terhad dalam ekonomi

pasaran. Walaupun penyertaan dalam tanaman komersial seperti getah telah meningkatkan hubungan masyarakat desa dengan ekonomi wang, asas organisasi sosial masih banyak dibentuk oleh perusahaan keluarga dan komuniti tempatan (Kato, 1991).

Dapatan kajian ini tidak menolak pemerhatian tersebut, tetapi menunjukkan bahawa dalam kalangan sebahagian pekebun nanas Melayu, hubungan dengan pasaran telah berubah secara lebih mendalam. Peserta tidak lagi hanya membincangkan pengeluaran hasil atau keluasan tanaman, sebaliknya menekankan pulangan pelaburan, pengurusan aliran tunai, pensijilan, strategi pemasaran, penggunaan teknologi dan pengembangan perusahaan. Dalam erti kata lain, perusahaan pertanian semakin diurus sebagai sebuah organisasi ekonomi yang memerlukan kemahiran pengurusan selain kemahiran agronomi.

Pemerhatian ini selari dengan hujah Zawawi Ibrahim (2010) bahawa masyarakat tani Melayu perlu difahami sebagai kategori sosial yang sentiasa berubah mengikut perkembangan kapitalisme, teknologi dan hubungan pasaran. Namun, dapatan kajian ini memperhalusi hujah tersebut dengan menunjukkan bahawa perubahan tidak semestinya berlaku melalui pengabaian sektor pertanian. Sebaliknya, sebahagian pekebun terus kekal dalam sektor pertanian tetapi mengubah cara perusahaan diurus, dibiayai dan dipasarkan. Hal ini menunjukkan bahawa transformasi masyarakat Melayu luar bandar lebih sesuai difahami sebagai transformasi dalam sektor pertanian, dan bukannya transformasi keluar daripada pertanian.

Implikasinya kepada kajian etnik ialah masyarakat Melayu luar bandar tidak lagi boleh dianalisis melalui dikotomi tradisional antara “petani tradisional” dan “masyarakat moden”. Sebaliknya, perubahan yang berlaku memperlihatkan kewujudan pelbagai bentuk perusahaan dan strategi ekonomi yang mencerminkan kepelbagaian pengalaman dalam masyarakat Melayu sendiri.

PERTANIAN KOMERSIAL SEBAGAI LALUAN MOBILITI SOSIAL

Perbahasan mengenai mobiliti sosial masyarakat Melayu selepas kemerdekaan banyak dikaitkan dengan peluasan pendidikan, perkembangan sektor awam, pekerjaan profesional dan peningkatan penyertaan Bumiputera dalam sektor korporat (Shamsul, 1986; Abdul Rahman Embong, 2002; Gomez & Saravanamuttu, 2013). Laluan-laluan tersebut sememangnya memainkan peranan penting dalam pembentukan kelas menengah Melayu dan mengubah struktur sosial negara.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman sebahagian pekebun nanas komersial memperlihatkan satu laluan mobiliti sosial yang kurang diberikan perhatian dalam literatur, iaitu melalui transformasi aktiviti pertanian itu sendiri. Pengembangan kawasan tanaman, pelaburan semula keuntungan, penggunaan teknologi, diversifikasi perusahaan dan pembangunan jaringan pasaran menunjukkan bahawa peningkatan kedudukan sosioekonomi tidak semestinya memerlukan perpindahan daripada sektor pertanian kepada sektor profesional atau korporat.

Namun demikian, artikel ini tidak berhujah bahawa pertanian komersial telah menggantikan laluan mobiliti sosial yang lain atau bahawa semua pekebun nanas telah membentuk satu kelas menengah baharu. Seperti yang dihujahkan oleh Bourdieu (1984), kedudukan sosial dibentuk melalui gabungan modal ekonomi, sosial, budaya dan simbolik. Data FGD tidak membolehkan status kelas peserta ditentukan secara muktamad. Sebaliknya, dapatan hanya menunjukkan kewujudan petunjuk mobiliti sosial, seperti pengembangan perusahaan, peningkatan aset, pelaburan dalam pendidikan dan pembinaan rangkaian perniagaan.

Dalam konteks tersebut, artikel ini mencadangkan konsep mobiliti agraria (*agrarian mobility*), iaitu peningkatan kedudukan sosioekonomi yang dicapai melalui transformasi perusahaan pertanian tanpa memerlukan perpindahan keluar daripada sektor pertanian. Konsep ini bukan bertujuan menggantikan teori mobiliti sosial sedia ada, tetapi memperluaskan perbahasan dengan menunjukkan bahawa pertanian komersial juga boleh menjadi salah satu ruang pembentukan mobiliti sosial masyarakat Melayu.

TRANSFORMASI SEBAGAI INTERAKSI ANTARA STRUKTUR DAN AGENSI

Satu lagi dapatan penting ialah transformasi yang diperhatikan tidak boleh dijelaskan melalui satu faktor sahaja. Sebahagian literatur pembangunan cenderung menekankan peranan negara melalui pembangunan luar bandar, pembentukan institusi dan dasar-dasar seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), manakala literatur keusahawanan pula sering memberi penekanan kepada keupayaan individu mengambil peluang ekonomi.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua penjelasan tersebut saling melengkapi. Pembangunan institusi pertanian, infrastruktur luar bandar dan sokongan agensi seperti LPNM menyediakan struktur peluang yang penting kepada pekebun. Walau bagaimanapun, peluang tersebut tidak menghasilkan hasil yang sama kepada semua peserta. Sebahagian pekebun memilih untuk melabur semula keuntungan, mengembangkan perusahaan, menggunakan teknologi baharu dan membina hubungan terus dengan pasaran, manakala sebahagian yang lain kekal beroperasi pada skala kecil dengan orientasi yang lebih konservatif.

Pemerhatian ini selari dengan pendekatan struktur–agensi yang dikemukakan oleh Giddens (1984) dan Long (2001), yang menegaskan bahawa hasil pembangunan merupakan interaksi antara struktur institusi dengan tindakan individu. Dalam konteks kajian ini, dasar pembangunan dan institusi pertanian menyediakan peluang, tetapi keputusan untuk memanfaatkan peluang tersebut bergantung kepada akses modal, pengalaman, toleransi terhadap risiko, pengetahuan dan strategi perusahaan yang dibentuk oleh pekebun sendiri.

Dengan demikian, artikel ini mengelakkan dua bentuk penjelasan yang terlalu mudah. Pertama, ia tidak menganggap transformasi masyarakat Melayu sebagai hasil langsung DEB atau dasar kerajaan semata-mata. Kedua, ia juga tidak menafikan peranan institusi dengan menganggap kejayaan hanya bergantung kepada keusahawanan individu. Sebaliknya, perubahan yang diperhatikan merupakan hasil interaksi yang dinamik antara struktur dan agensi.

IMPLIKASI TERHADAP KAJIAN ETNIK

Dapatan kajian ini mempunyai beberapa implikasi yang lebih luas terhadap kajian etnik di Malaysia. Pertama, ia menunjukkan bahawa masyarakat Melayu luar bandar tidak lagi boleh dianggap sebagai kategori sosial yang homogen. Seperti yang dihujahkan oleh Syed Husin Ali (1975), perbezaan ekonomi sentiasa wujud dalam masyarakat desa, tetapi dapatan kajian ini menunjukkan bahawa proses pembezaan tersebut semakin dipengaruhi oleh akses kepada modal, teknologi, jaringan pasaran dan kapasiti pengurusan perusahaan.

Kedua, kajian ini memperluaskan pemahaman mengenai pembangunan etnik dengan menunjukkan bahawa transformasi masyarakat Melayu tidak hanya berlaku melalui pengalaman bandar. Pengalaman sebahagian pekebun nanas komersial memperlihatkan bahawa pertanian bernilai tinggi juga boleh menjadi ruang pembentukan identiti ekonomi, aspirasi generasi dan mobiliti sosial. Oleh itu, kajian etnik perlu memberi perhatian yang lebih besar kepada perubahan dalam ekonomi luar bandar dan bukan hanya kepada sektor moden bandar.

Ketiga, dapatan kajian mengingatkan bahawa pengalaman masyarakat Melayu sendiri semakin pelbagai. Kategori seperti "petani Melayu" tidak lagi merujuk kepada satu kumpulan yang seragam. Dalam sektor nanas, terdapat pekebun yang mengurus perusahaan berorientasikan eksport dengan penggunaan teknologi moden, tetapi terdapat juga pekebun yang terus bergantung kepada pengeluaran berskala kecil, tenaga keluarga dan pasaran tradisional. Oleh itu, analisis etnik perlu mengambil kira pembezaan dalaman dalam sesuatu kelompok etnik dan tidak menganggap semua ahli kelompok mengalami trajektori pembangunan yang sama.

Secara keseluruhannya, kajian ini tidak mencadangkan satu teori baharu mengenai transformasi masyarakat Melayu. Sebaliknya, ia memperluaskan literatur sedia ada dengan menunjukkan bahawa pertanian komersial wajar diiktiraf sebagai salah satu laluan mobiliti sosial yang sebelum ini kurang diberikan perhatian dalam kajian pembangunan etnik di Malaysia. Dalam konteks tersebut, konsep mobiliti agraria yang dicadangkan dalam artikel ini menawarkan satu kerangka analitikal untuk memahami bagaimana peningkatan kedudukan sosioekonomi boleh berlaku melalui transformasi aktiviti pertanian itu sendiri tanpa memerlukan perpindahan keluar daripada sektor pertanian.

KESIMPULAN

Artikel ini bertolak daripada persoalan sama ada perubahan dalam pertanian komersial boleh menyumbang kepada pemahaman yang lebih luas tentang transformasi masyarakat Melayu luar bandar. Walaupun literatur mengenai pembangunan masyarakat Melayu banyak menekankan peranan pendidikan, sektor awam, pekerjaan profesional dan sektor korporat sebagai pemacu utama mobiliti sosial, kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman sebahagian pekebun nanas Melayu komersial memperlihatkan satu dimensi yang masih kurang diberikan perhatian. Melalui pengembangan perusahaan, penggunaan teknologi, pengurusan yang lebih sistematik dan orientasi pasaran yang semakin kompleks, pertanian komersial turut menjadi salah satu ruang perubahan sosioekonomi dalam masyarakat Melayu luar bandar.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa perubahan tersebut tidak boleh difahami sebagai peralihan daripada masyarakat tani kepada masyarakat bukan tani. Sebaliknya, sebahagian pekebun kekal dalam sektor pertanian tetapi mengubah cara mereka mengusahakan perusahaan. Pertanian bukan lagi hanya dilihat sebagai aktiviti pengeluaran hasil, tetapi semakin diurus sebagai sebuah perusahaan yang memerlukan kemahiran pengurusan, pelaburan, inovasi dan pembinaan jaringan pasaran. Pemerhatian ini memperluaskan literatur mengenai transformasi masyarakat tani Melayu dengan menunjukkan bahawa perubahan agraria kontemporari tidak semestinya berlaku melalui pengabaian sektor pertanian, tetapi juga melalui transformasi yang berlaku dalam sektor pertanian itu sendiri.

Dari sudut kajian etnik, artikel ini mencadangkan bahawa transformasi masyarakat Melayu perlu dianalisis secara lebih pelbagai dan tidak hanya berpaksikan pengalaman masyarakat bandar. Pengalaman pekebun nanas komersial menunjukkan bahawa laluan mobiliti sosial masyarakat Melayu adalah lebih rencam daripada yang sering digambarkan dalam literatur. Walaupun pendidikan, pekerjaan profesional dan keusahawanan bandar kekal penting, pertanian komersial juga boleh menjadi salah satu saluran peningkatan kedudukan sosioekonomi bagi sebahagian masyarakat Melayu luar bandar. Sehubungan itu, artikel ini mencadangkan konsep mobiliti agraria sebagai satu kerangka analitikal untuk memahami perubahan kedudukan sosioekonomi yang berlaku melalui transformasi perusahaan pertanian, tanpa mengandaikan bahawa perubahan tersebut membawa kepada pembentukan satu kelas sosial baharu atau berlaku secara menyeluruh dalam kalangan masyarakat tani.

Pada masa yang sama, artikel ini menegaskan bahawa transformasi yang diperhatikan tidak boleh dijelaskan melalui satu faktor sahaja. Pembangunan luar bandar dan institusi pertanian yang berkembang sejak era Dasar Ekonomi Baru telah menyediakan sebahagian daripada asas kepada perubahan tersebut, namun kejayaan perusahaan turut dipengaruhi oleh perkembangan pasaran, inovasi teknologi, akses kepada modal serta keupayaan pekebun menyesuaikan strategi mereka dengan perubahan ekonomi. Justeru, transformasi masyarakat Melayu luar bandar lebih tepat difahami sebagai hasil interaksi antara struktur pembangunan dengan agensi individu, dan bukannya sebagai kesan langsung sesuatu dasar atau kekuatan pasaran semata-mata.

Walau bagaimanapun, beberapa batasan perlu diakui. Kajian ini berasaskan sembilan perbincangan kumpulan berfokus yang melibatkan 198 peserta di enam negeri pengeluar nanas, dan oleh itu dapatan tidak bertujuan mewakili keseluruhan masyarakat tani Melayu atau semua subsektor pertanian di Malaysia. Sebaliknya, artikel ini memberi tumpuan kepada pengalaman segmen pekebun nanas Melayu komersial yang memperlihatkan ciri-ciri perubahan perusahaan yang paling ketara. Kajian lanjutan boleh membandingkan pengalaman ini dengan subsektor pertanian komersial lain seperti durian, kelapa, sayuran bernilai tinggi atau akuakultur, di samping menggunakan pendekatan longitudinal bagi menilai sama ada mobiliti yang diperhatikan dapat dikekalkan merentas generasi.

Secara keseluruhannya, sumbangan utama artikel ini bukanlah untuk mendakwa bahawa telah lahir satu bentuk baharu kelas menengah Melayu berasaskan pertanian atau bahawa masyarakat tani Melayu sedang menghilang. Sebaliknya, artikel ini memperluaskan perbahasan mengenai transformasi masyarakat Melayu dengan menunjukkan bahawa pertanian komersial perlu diiktiraf sebagai salah satu ruang penting yang membentuk perubahan ekonomi, identiti pekerjaan dan mobiliti sosial luar bandar. Dengan menghubungkan transformasi agraria dengan kajian etnik, artikel ini menunjukkan bahawa pengalaman masyarakat Melayu kontemporari semakin pelbagai dan tidak lagi dapat difahami melalui kategori-kategori tradisional yang memisahkan secara tegas antara desa dan bandar, atau antara pertanian dan sektor moden. Dalam konteks tersebut, memahami perubahan masyarakat Melayu memerlukan perhatian yang lebih besar terhadap kepelbagaian trajektori pembangunan yang sedang muncul dalam ekonomi luar bandar Malaysia.

RUJUKAN

Abbott, A. (1988). *The system of professions*. University of Chicago Press.

Abdul Rahman Embong. (2002). *State-led modernisation and the new middle class in Malaysia*. Palgrave Macmillan.

Barbieri, C., & Mahoney, E. (2009). Why is diversification an attractive farm adjustment strategy? *Journal of Rural Studies, 25*(1), 58–66.

Bernstein, H. (2010). *Class dynamics of agrarian change*. Kumarian Press.

Bourdieu, P. (1984). *Distinction: A social critique of the judgement of taste*. Harvard University Press.

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology, 3*(2), 77–101.

Braun, V., & Clarke, V. (2021). One size fits all? What counts as quality practice in reflexive thematic analysis? *Qualitative Research in Psychology, 18*(3), 328–352.

Bryceson, D. F. (1996). Deagrarianization and rural employment in sub-Saharan Africa. *World Development, 24*(1), 97–111.

Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design* (4th ed.). Sage.

Crouch, H. (1996). *Government and society in Malaysia*. Cornell University Press.

Eastwood, C., Klerkx, L., Ayre, M., & Dela Rue, B. (2019). Managing Socio-Ethical Challenges in the Development of Smart Farming: From a Fragmented to a Comprehensive Approach for Responsible Research and Innovation. *J Agric Environ Ethics* 32, 741–768 (2019).

Firth, R. (1946). *Malay fishermen: Their peasant economy*. Routledge.

Firth, R. (1966). *Malay fishermen: Their peasant economy* (2nd ed.). Routledge & Kegan Paul.

Fredericks, L. J. (1977). Ideology and Organizations in agricultural development: The case of Malaysia. *Sociologia Ruralis, 17*(3–4), 191–202.

Freidson, E. (2001). *Professionalism: The third logic*. University of Chicago Press.

Giddens, A. (1984). *The constitution of society: Outline of the theory of structuration*. Polity Press.

Gomez, E. T., & Saravanamuttu, J. (Eds.). (2013). *The New Economic Policy in Malaysia: Affirmative action, ethnic inequalities and social justice*. NUS Press.

Ibrahim, Z. (2010). The anthropology of the Malay peasantry: Critical reflections on colonial and indigenous scholarship. *Asian Journal of Social Science, 38*(1), 5–36.

Jomo, K. S. (1990). *Growth and structural change in the Malaysian economy*. Macmillan.

Kato, T. (1991). *When rubber came: The Negeri Sembilan experience*. Institute of Developing Economies.

Kaur, A. (2004). Mobility, labour mobilisation and border controls: Indonesian labour migration to Malaysia since 1900. *Journal of the Asia Pacific Economy, 9*(4), 435–455.

Kaur, A. (2014). Labour migration trends and policy challenges in Southeast Asia. *Policy and Society, 33*(4), 355–364.

Klerkx, L., Jakku, E., & Labarthe, P. (2020). A review of social science on digital agriculture. *Agricultural Systems, 180*, 102763.

Larson, M. S. (1977). *The rise of professionalism*. University of California Press.

Long, N. (2001). *Development sociology: Actor perspectives*. Routledge.

McElwee, G. (2006). Farmers as entrepreneurs. *Journal of Developmental Entrepreneurship, 11*(3), 187–206.

Ngah, I., & Kamarudin, K. H. (2020). Malaysia: The state of/in village agriculture, dlm. E. Thompson, J. Rigg, & J. Gillen (Eds.), *Asian Smallholders in Comparative Perspective* (pp. 145–175). Amsterdam University Press.

Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). Sage.

Pindado, E., & Sánchez, M. (2017). "Researching the entrepreneurial behaviour of new and existing ventures in European agriculture," *Small Business Economics,* Springer, vol. 49(2), pages 421-444, August.

Preston, D., & Ngah, I. (2012). Interpreting rural change in Malaysia. *Singapore Journal of Tropical Geography, 33*(3), 351–364.

Rigg, J. (2001). *More than the soil: Rural change in Southeast Asia*. Prentice Hall.

Rigg, J. (2006). Land, farming, livelihoods and poverty: Rethinking the links in the rural South. *World Development, 34*(1), 180–202.

Rigg, J. (2019). *More than rural: Textures of Thailand's agrarian transformation*. University of Hawai'i Press.

Scott, J. C. (1976). *The moral economy of the peasant*. Yale University Press.

Shamsul, A. B. (1986). *From British to Bumiputera rule: Local politics and rural development in Peninsular Malaysia*. Institute of Southeast Asian Studies.

Swift, M. G. (1965). *Malay peasant society in Jelebu*. Athlone Press.

Syed Husin Ali. (1975). *Peasant society and leadership in Malaysia*. Oxford University Press.

Vik, J., & McElwee, G. (2011). Diversification and the entrepreneurial motivations of farmers. *Journal of Small Business Management*.

Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications* (6th ed.). Sage.

Haris Zuan Jaharudin (penulis koresponden)
Sheikh Umar Bagharib
Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
E-mel: hariszuan@ukm.edu.my